KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	22/10/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI PAHANG			

Cubaan penceroboh hutan simpan gagal

BH 22 Okt 2021_24

JPNP sekat kerja pembersihan kawasan untuk dijadikan kebun Musang King

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my



Jengkaut yang ditemui dalam Hutan Simpan Lentang Tambahan.
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Bentong: Tindakan pantas Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) berjaya menyekat cubaan menceroboh lebih luas kawasan Hutan Simpan Lentang Tambahan, di sini untuk dijadikan kebun durian Musang King.

Serbuan anggota Unit Penguat Kuasa JPNP Pahang Barat kelmarin turut menemui jengkaut dalam Kompatmen 93 yang diguna untuk membersihkan kawasan hutan simpan terbabit, termasuk tanah milik kerajaan yang terletak bersebelahan.

Ketua Penolong Pengarah (Penguat Kuasa) JPNP, Nor Azirim Ahmad, berkata pihak terbabit membersihkan Hutan Simpan Lentang Tambahan seluas kira-kira 1.5 hektar sebelum kegiatan itu berjaya dikesan jabatannya.

Katanya, pemantauan menggunakan dron mendapati tanah milik kerajaan yang terletak bersebelahan hutan simpan itu turut diceroboh seluas kira-kira 30 hektar untuk dijadikan kebun durian Musang King.

"Ketika serbuan, kerja membersihkan kawasan hutan simpan berkenaan sedang dilakukan. Usaha menahan pemandu jengkaut gagal apabila dia sempat melarikan diri. Jengkaut disita dan kini disimpan di pusat simpanan barangan rampasan di Pejabat Ladang Hutan Kemasuk, Mentakab untuk tindakan lanjut," katanya semalam.

Beliau tidak menolak kemungkinan pencerobohan hutan simpan itu, termasuk tanah kerajaan didalangi beberapa individu yang mengupah pihak kedua membersihkan kawasan dan membina teres tanaman.

Katanya, kejayaan mengesan kegiatan itu pada peringkat awal dapat mengelak kemusnahan hutan simpan serta tanah milik kerajaan dengan lebih luas lagi.